

16/02/2001

Umno sedia dengar cadangan Pas

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno sedia mendengar semua cadangan Pas mengenai agenda pertemuan pemimpin kedua-dua parti itu dalam mesyuarat kedua jawatankuasa teknikal, esok.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata dalam mesyuarat itu kedua-dua pihak akan memutuskan agenda terakhir untuk persiapan pertemuan bersejarah pada 19 Februari ini.

"Esok kita akan dengar apa yang dikatakan oleh perwakilan jawatankuasa teknikal Pas," katanya kepada pemberita selepas Majlis Taklimat Persidangan Cawangan dan Perwakilan Bahagian, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, yang mahu agenda pertemuan pemimpin membincangkan isu kepincangan sistem kehakiman, ekonomi, pencabulan ke atas demokrasi dan peminggiran kedudukan dan peranan Islam.

Nasharuddin ketika mengumumkan perkara itu hari ini, berkata perbincangan mengenai isu berkenaan adalah syarat yang akan menentukan penyertaan Pas dalam pertemuan berkenaan.

Mengenai wakil Umno ke pertemuan itu, Khalil berkata, Biro Politik Umno akan mengadakan mesyuarat Sabtu ini untuk memutuskan enam wakil.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu berkata parti itu bersetuju dengan cadangan Pas supaya kedua-dua parti masing-masing menghantar enam wakil.

Mengenai taklimat hari ini, beliau berkata, cawangan dan bahagian yang bermesyuarat akan menggunakan peraturan baru yang diluluskan pada Perhimpunan Agung Khas, November lalu.

"Wakil bahagian sudah mendapat penjelasan menyeluruh dan diminta menggunakan pindaan baru sebagai rujukan dalam mengendalikan mesyuarat," katanya.

Ditanya apakah Umno akan bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah untuk membanteras politik wang, Khalil berkata, masalah itu akan dirujuk kepada Lembaga Disiplin parti.

Katanya, lembaga itu adalah badan berkecuali yang akan mengendalikan semua aduan dan mencadangkan kepada MT untuk tindakan.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Umno tidak menetapkan sebarang isu untuk dikemukakan pada pertemuan berkenaan.

"Seperti dimaklumkan oleh Dr Mahathir, apa saja boleh ditimbulkan. Terserah kepada jawatankuasa teknikal untuk memilih perkara yang perlu diberi keutamaan, isu jangka pendek, sederhana dan jangka panjang," katanya.

(END)